

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR - BN]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 115)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peranan yang telah dimainkan kementerian bersama FAM dalam menangani polemik penajaan pasukan bola sepak negeri-negeri.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Fenomena beberapa kelab bola sepak di dalam liga bola sepak Malaysia menjadi pilihan penajaan dari syarikat-syarikat besar amatlah dialu-alukan dalam langkah pasukan dan kelab bola sepak ini diurus tadbir secara profesional sepenuhnya. Sebagai sebuah pasukan dan kelab profesional sudah tentu mereka perlu bertanggungjawab dalam mencari dana sendiri selain daripada bergantung kepada peruntukan sedia ada oleh pihak FAM.
2. Justeru, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berpendapat bahawa sudah tiba masanya setiap pasukan yang menyertai Liga Bola Sepak Malaysia perlu melaksanakan strategi pemasaran masing-masing dengan lebih agresif dan efektif bagi mendapatkan lebih banyak tajaan dalam memastikan pengukuhan sumber kewangan pasukan masing-masing. Sumber kewangan yang kukuh merupakan salah satu syarat untuk menyertai Liga Bola Sepak Malaysia yang kini diuruskan oleh *Football Malaysia Limited Liability Partnership* (FMLPP) bagi pihak FAM serta mengelakkan beberapa isu-isu seperti tunggakan gaji pemain dan jurulatih.

Sekian, terima kasih.

SULIT